

10/08/2002

UiTM anjur dialog bersama Dr Mahathir

SHAH ALAM, Jumaat - Universiti Teknologi Mara (UiTM), akan menganjurkan dialog bertajuk 'Dialog Mahathir Mengenai Pengembangan Ummah' di Cyberjaya Lodge pada 12 hingga 15 Ogos ini.

Timbalan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah, berkata dialog itu akan dihadiri wakil komuniti Islam dari negara bukan Islam yang maju seperti Kanada, Perancis, Jerman, Belgium dan Amerika Syarikat.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menjadi tetamu kehormat pada majlis makan malam pada hari ketiga program dan akan berdialog dengan peserta selepas itu.

"Sepanjang program itu, perbincangan akan diadakan secara terbuka dan peserta boleh secara bebas bertukar-tukar pandangan terhadap Pelan Tindakan yang bakal diambil pada akhir program untuk menyumbang kepada kebaikan Ummah," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Dialog itu adalah anjuran Institut Pengembangan Ilmu (Inka) UiTM dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri.